

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR) MATA PELAJARAN SEJARAH: PERLAKSANAANDAN CABARAN

(STANDARD PRIMARY SCHOOL CURRICULUM (SPSC): IMPLEMENTATION AND CHALLENGE)

Zunaida Zakaria

Abdul Razaq Ahmad

Mohd. Mahzan Awang

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.

Abstrak

Peranan kurikulum Sejarah kearah memupuk dan memperkukuhkan semangat setia negara dan jati diri murid sebagai warga Negara Malaysiayang digubal semakin relevan.Langkah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan mata pelajaran Sejarah di sekolah rendah bermula tahun 2014 di bawah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) merupakan satu transformasi pendidikan, dilihat sangat signifikan dalam konteks menjadikan mata pelajaran sejarah sebagai mendukung cita-cita murni untuk melahirkan generasi cemerlang selaras dengan Falsafah pendidikan Kebangsaan. Kertas kerja iniakan membincangkan KSSR mata pelajaran Sejarah dari aspekkonsep, matlamat, objektif rasional,bentuk dan fokusnyadi sekolah rendah. Perbincangan tentang perlaksanaan KSSR dalam pengajaran dan pembelajarandi sekolah turut disentuh secara ringkasdengan memberi penekanan kepada domain kognitif, efektif dan psikomotor serta menerapkan nilai tambah alaf baru seperti kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran pelbagai kecerdasan , kajian masa depan dan pembelajaran sepanjang hayat.Seterusnya kertas kerja ini juga mengupas isu dan cabaran perlu dihadapi dalam melaksanakan KSSR mata pelajaran di sekolah rendah.

Kata Kunci :Pendidikan Sejarah, Kurikulum Sejarah,Kurikulum Standard Sekolah Rendah(KSSR), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)Mata Pelajaran Sejarah

Abstract

Historical curriculum plays a major and dynamic role of nurturing and strengthening the students' patriotism, loyalty to the country and their self confidence as students and as citizens of Malaysia. Ministry of Education (MOE) has introduced the subject of History in primary schools beginning 2014 under the Standard Primary School Curriculum (SPSC) subject of History. SPSC as a transformation of the education policy, is seen as significant in the contexts of making the subject of history as an incubator for future generations who uphold exemplary virtues in line with the National Education Philosophy This paper will discuss SPSC for the subject of history in the aspect of concept, goals, objectives, rationale, form and focus in primary school. Discussion about the implementation of SPSC in the teaching and learning at school is also touched briefly. The focus will be on cognitive domain, effectivity and

psychomotor while inserting new virtues such as critical thinking, information technology skills, multiple intelligence, future research and lifetime learning. Furthermore, this research paper will explore the issues and challenges facing SPSC in primary school.

Keyword: History Education, History Curriculum, Standard Primary School Curriculum (SPSC), Standard Primary School Curriculum (SPSC)subject of History

PENGENALAN

Menjelang abad ke-21, pendidikan di Malaysia telah banyak mengalami perubahan dan pembaharuan seiring dengan tuntutan lokal dan global. Pada peringkat lokal, persoalan patriotik dan kewarganegaraan mendesak pendidikan dengan Sejarah dijadikan teras pada peringkat pendidikan rendah. Pendidikan Sejarah merupakan elemen penting dalam peradaban bangsa. Bagi memartabatkan ilmu sejarah dan membina bangsa dengan semangat patriotisme di Malaysia, pendedahan awal mestilah bermula dari bangku sekolah di peringkat sekolah rendah. Melalui mata pelajaran Sejarah serta sendedikan Sivik dan Kewarganegaraan jelas mendidik dan memberikan ilmu ke arah semangat cintakan negara.

Generasi muda perlu mendalami pengetahuan mengenai sejarah bangsa, pembangunan negaradan hendaklah menghayati serta mengambil iktibar daripada sejarah negara. Namun bagi memupuk minat terhadap sejarah, pendedahan harus bermula pada peringkat umur rendah. Kerana pada peringkat ini, mereka mudah menerima ilmu dan menanam nilai dalam. memupuk semangat cintakan negara. Malah mereka juga akan membentuk nilai diri dan perspektif yang akan dibawa dalam kehidupan pada masa depan. Asas yang dibina dan dipupuk ini dapat memberi kesedaran mengenai kepentingan sejarah dan relevan sejarah dalam kehidupan masa kini.

KEPENTINGANPENDIDIKAN SEJARAH

Pendidikan sejarah sangat signifikan dalam bidang pendidikan dengan tujuan membina keperibadian dan perpaduan masyarakat. Malah ia adalah satu-satunya saluran untuk menyampaikan warisan negara dan legasi kebudayaan kepada generasi masa kini. Anuar (2001) yang menjelaskan pendidikan sejarah mempunyai 2 alasan untuk diajar di sekolah dalam konteks negara kita iaitu berperanan sebagai acuan asas kepada kehidupan generasi muda dan berfungsi sebagai mekanisme kawalan sosial.

Abdul Rahim Abdul Rashid (1999) menyatakan bahawaSejarah adalah satu subjek penting bagi membolehkan setiap individu mengetahui asal usul bangsadan memahami latar belakang Sejarah negara daripada beberapa aspek politik, ekonomi, sosialdan sangat dominan bagi melahirkan rakyat yang mempunyai kesedaran sivik yang tinggi, bangga, dan bertanggung jawab sebagai warganegara dan mempunyai sfat nasionalis terhadap negaranya.

Crabtree (1989) melihat kepentingan pendidikan Sejarah membolehkan pelajar memahami bahawa Sejarah adalah pengajian yang berterusan serta berubah dan setiap masalah pada masa kini hanya dapat difahami dengan mengikut pandangan Sejarah yang lepas. Pelajar akan didedahkan kepada kesusahan dan kepayahan masyarakat lalu berjuang mempertahankan negara.

Sejarah sebagai satu platform yang cukup utuh untuk mengetengahkan kembali warisan Sejarah kita suatu ketika dahulu. Usaha sebegini dapat melahirkan warganegara Malaysia yang peka akan Sejarah negara dan bangsanya dan melaluinya dapat melahirkan semangat patriotik di peringkat awal lagi kerana ketika diperingkat ini pelajar mudah menerima ilmu, membentuk nilai diri dan perspektif. Malah Sejarah memberi kita peluang menghayati dan memahami kerelevanan Sejarah dalam kehidupan harian dan masa depan. Cara memupuk semangat patriotisme kepada pelajar mestilah melalui kesedaran dan ilmu Sejarah. Sejarah dapat membantu membina dan membangunkan common values dalam usaha melahirkan identiti bersama (shared identity) yang dapat mewujudkan satu bangsa Malaysia yang bersatu sebagaimana matlamat Wawasan 2020.

PERKEMBANGAN KURIKULUM SEJARAH

Kurikulum Sejarah memainkan peranan yang penting dalam melahirkan individu serta masyarakat yang berjiwa patriotik. Jesteru, Transformasi Kurikulum Kebangsaan dengan penambahbaikan dalam sistem pendidikan negara terutamanya di peringkat sekolah rendah dilaksanakan agar kurikulum persekolahan memenuhi keperluan dan cabaran semasa serta akan datang. Selaras itu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) merupakan satu transformasi pendidikan, iaitu proses melakukan satu bentuk perubahan yang holistik kepada kurikulum persekolahan sedia ada yang melibatkan perubahan bentuk, organisasi, kandungan, pedagogi, peruntukan masa, kaedah pentaksiran, bahan dan pengurusan kurikulum di sekolah

Transformasi kurikulum sekolah rendah merupakan penyusunan semula dan penambahbaikan kurikulum persekolahan rendah sedia ada. Tujuan transformasi ini adalah untuk memastikan murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa bagi menghadapi cabaran abad ke 21. Pembentukan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) merupakan satu revolusi dasar kementerian pelajaran Malaysia. Keperluan sistem pendidikan Malaysia sentiasa berubah dan kajian serta resolusi terperinci harus sentiasa dinaik taraf untuk memastikan keberkesanannya.

Dasar KSSR ini terhasil daripada kajian terperinci tentang keperluan murid sekolah rendah kini, untuk memastikan supaya mereka terus berkembang seiring dengan kehendak negara Malaysia yang pesat membangun. KPM telah membangunkan KSSR berasaskan prinsip-prinsip Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Perubahan dan pembaharuan yang sedang dan akan berlaku bermatlamat untuk membangunkan kapasiti modal insan secara terancang dan berkesan sebagai yang diharapkan.

KURIKULUM SEJARAH DALAM KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR)

Pelaksanaan KSSR telah membawa dimensi baru bagi kurikulum Sejarah. Selaras dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi menggantikan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), mata pelajaran Sejarah telah dijadikan subjek teras di sekolah rendah bermula 2014. KSSR yang diperkenalkan ini merupakan transformasi yang dilakukan Kementerian Pelajaran bagi memastikan sistem pelajaran negara standing piawaian global Mata pelajaran Sejarah di peringkat sekolah rendah adalah merupakan kesinambungan ke peringkat sekolah menengah sebagai satu disiplin ilmu yang dinamik. Pembentukan kurikulum Sejarah dalam KSSR ini memberikan penekanan kepada domain kognitif, efektif dan psikomotor serta menerapkan nilai tambah alaf baru seperti kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran pelbagai kecerdasan, kajian masa depan dan pembelajaran sepanjang hayat. Mata pelajaran Sejarah menjadi mata pelajaran teras dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bermula pada 2014 dengan menerapkan unsur kewarganegaraan, patriotisme dan perlembagaan bagi memastikan murid memahami serta menghayati sejarah negara secara mendalam. Matlamat umum pelaksanaan, Ketiga-tiga unsur terbabit akan diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Sejarah yang menggunakan konsep 'pendidikan itu menyeronokkan'.

Dalam KSSR, subjek ini diterapkan dengan unsur kewarganegaraan, patriotisme dan perlembagaan bagi memastikan pelajar memahami serta menghayati sejarah negara secara mendalam mengambil pengajaran dan teladan apa yang tersirat daripada peristiwa yang berlaku. Kurikulum Standard Sekolah Rendah mata pelajaran Sejarah dilihat sebagai mendukung cita-cita murni bagi menyediakan kurikulum yang relevan dan terkini untuk melahirkan generasi cemerlang selaras dengan Falsafah pendidikan Kebangsaan.

Kurikulum Sejarah ini memberi penekanan kepada penerapan nilai murni, semangat patriotik, elemen kewarganegaraan dan nilai sivik dengan berharapan semua elemen ini dapat diaplikasi oleh murid dalam kehidupan seharian. Ianya merupakan transformasi pendidikan yang memberi penekanan kepada kaedah pembelajaran yang berpusatkan murid. Elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang diterapkan dalam Sejarah KSSR bertujuan untuk dijadikan asas dalam melahirkan warganegara yang mempunyai identiti kebangsaan yang seterusnya dapat membentuk rakyat Malaysia yang mempunyai kesepaduan sosial dan integrasi nasional. KSSR tidak akan menggantikan tetapi beriringan dengan KBSR.

Di bawah kurikulum baharu iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), mata pelajaran sejarah menjadi mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid mulai Tahun Empat di Tahap II. Idea memperkenalkan mata pelajaran.

a. Kronologi Pengenalan KSSR Sejarah di Sekolah Rendah

Pada 14 Oktober 2008, Kerajaan mencadangkan mata pelajaran Sejarah diwajibkan di semua sekolah rendah di seluruh negara bagi mendedahkan para pelajar kepada Sbejarah pembangunan negara bermula daripada peringkat umur rendah.

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom mengumumkan hasrat kerajaan menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai salah satu mata pelajaran wajib di sekolah rendah pada 14 Jun 2009. Menurut Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010, mata pelajaran Sejarah akan dimulakan di 500 buah sekolah perintis diseluruh negara bermula tahun 2010 atau 2011. Mata pelajaran Sejarah akan diajar bermula dari Tahun Satu dan bakal menggantikan mata pelajaran Kajian Tempatan.

Pada 25 Ogos 2010, Dr. Mohd Puad Zarkashi (Timbalan Menteri Pelajaran) mengumumkan Kementerian Pelajaran memutuskan mata pelajaran Sejarah akan mula diajar di sekolah rendah bermula tahun 2014 dengan menggunakan pendekatan *education is fun* seperti kuiz, lawatan ke tempat bersejarah dan rombongan ke Parlimen.

Pada 24 Oktober 2010, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin (Timbalan Perdana Menteri) telah mengumumkan kerajaan melaksanakan pengenalan mata pelajaran Sejarah di bawah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Murid yang terlibat ialah murid Tahun 1 pada sesi persekolahan 2011 yang akan berada di Tahun Empat pada tahun 2014. Pengenalan mata pelajaran Sejarah di bawah KSSR akan menggantikan mata pelajaran Kajian Tempatan yang akan dimansuhkan secara berperingkat sehingga pusingan pertama KSSR tamat pada tahun 2016.

b. Matlamat KSSR Sejarah

Kurikulum Standard Sejarah Sekolah Rendah membolehkan murid memahami tingkah laku manusia, sebab dan akibat, keunikan sejarah tanah air dan kegemilangan negara bagi melahirkan warganegara yang patriotik dan menjunjung amalan demokrasi di Malaysia. KSSR mata pelajaran Sejarah juga dihasilkan untuk membantu guru menjadi lebih proaktif, dinamik dan progresif serta memantapkan pemahaman terhadap matlamat, objektif dan kandungan KSSR.

c. Tunjang Kurikulum KSSR Sejarah

KSSR mata pelajaran Sejarah dibina berasaskan enam tunjang dengankesepaduan ini bertujuan untuk membangunkan modal Komunikasi, Kerohanian, Sikap dan Nilai, Kemanusiaan, insan yang seimbang dan harmonis, berpengetahuan Literasi Sains dan Teknologi dan Keterampilan Diri Kurikulum

d. Fokus Dan Bentuk Kurikulum Mata Pelajaran Sejarah KSSR

Fokus utama KSSR Sejarah adalah menyemai ilmu pengetahuan dan asas kemahiran pemikiran Sejarah disamping penerapan semangat patriotik dengan bertujuan untuk melahirkan dan mendidik murid menjadi warganegara yang mempunyai identiti kebangsaan serta memahami latar belakang serta sejarah negarayang mempunyai kesepaduan sosial dan integrasi nasional Malaysia. Kandungan mata pelajaran Sejarah di peringkat sekolah rendah bertujuan mendidik murid untuk memahami latar belakang negara dan sejarahnya dengan melihat perubahan yang berlaku serta kesinambungannya yang masih dikekalkan terutama dalam kehidupan masyarakat Malaysia.

Secara tidak langsung ini dapat memberi pendedahan kepada murid untuk menganalisis dan menilai fakta-fakta sejarah secara matang melalui pengetahuan tentang masa lalu yang mempengaruhi pada masa kini. Melalui pembelajaran ini juga, murid dapat membina kerangka kronologi tentang pengetahuan sesuatu peristiwa penting dan tokoh-tokoh yang terlibat, membuat perbandingan tentang pengalaman manusia dan seterusnya berupaya memahami diri mereka secara individu serta sebagai ahli dalam sesebuah masyarakat. Pengetahuan dan pemahaman asas tentang sejarah negara dapat melahirkan murid yang berjiwa patriotik dengan memberi pendedahan menganalisis dan menilai fakta-fakta secara matang. Keadaan ini seterusnya akan menimbulkan perasaan cinta akan negara dan melahirkan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia.

PERLAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KSSR SEJARAH

KSSR Sejarah mengambil kira cabaran abad ke-21, Model Baru Ekonomi (MBE) dan teori pembelajaran terkini serta mempunyai beberapa penambahbaikan dengan menjadikan kurikulum negara maju sebagai rujukan. Kurikulum ini juga memberi penekanan kepada penerapan nilai murni, semangat patriotik, elemen kewarganegaraan dan nilai sivik dengan berharap semua elemen ini dapat diaplikasi oleh murid dalam kehidupan seharian. Kurikulum ini merupakan transformasi pendidikan yang memberi penekanan kepada kaedah pembelajaran yang berpusatkan murid.

Elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang diterapkan dalam Sejarah KSSR bertujuan untuk dijadikan asas dalam melahirkan warganegara yang mempunyai identiti kebangsaan. Elemen ini dapat membentuk rakyat Malaysia yang mempunyai kesepaduan sosial dan integrasi nasional. Pengetahuan dan pemahaman aspek Sejarah dapat melahirkan murid yang berjiwa patriotik dengan memberi pendedahan menganalisis dan menilai fakta-fakta Sejarah secara matang. KSSR dapat dimanfaatkan sebaik mungkin sebagai agen penyatuan bangsa dan pemupukkan budaya kebangsaan melalui pemilihan tema-tema pelajaran yang sesuai dan relevan.

Pembelajaran mata pelajaran KSSR sejarah ini adalah menggunakan pendekatan kronologi dimana ianya berfokuskan tentang sejarah negara yang disepadukan dengan asas kemahiran pemikiran sejarah serta elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang mencakupi beberapa tajuk. Pendekatan disusun mengikut tajuk supaya murid dapat menghargai sejarah tanah air dan kegemilangannya. Bagi menarik minat terhadap pembelajaran Sejarah, mata pelajaran Sejarah KSSR menekankan pendekatan pembelajaran yang menyenangkan (*learning is fun*) melalui:

- i. Kemahiran berfikir secara Kreatif
- ii. Kritis
- iii. Inovatif
- iv. Aktiviti Inkuiri
- v. Penerokaan
- vi. Aplikasi Elemen Didik Hibur

Kurikulum Standard Sejarah Sekolah Rendah melibatkan tiga tahap iaitu Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6. Kandungan dan tema kurikulum sejarah adalah berbeza mengikut pecahan tema dan tahun iaitu bagi murid di Tahun Empat bertemakan tema “Sejarah Awal Negara. Bagi murid di Tahun Lima pula bertemakan tentang “Kedaulatan Negara”. Manakala bagi murid di Tahun Enam adalah bertemakan tentang “Kemakmuran Negara Kita”.

Antara topik-topik Sejarah KSSR termasuklah :

1. Mari Belajar Sejarah
2. Kehidupan Zaman Air Batu
3. Kehidupan Zaman Prasejarah
4. Kerajaan-kerajaan Melayu Sebelum Kesultanan Melayu Melaka
5. Zaman Kesultanan Melayu Melaka
6. Tokoh Tokoh Terbilang Kesultanan Melayu Melaka
7. Negeri-negeri di Malaysia
8. Sejarah Sabah dan Sarawak
9. Identiti Negara kita
10. Sejarah awal Negara Kita
11. Kedaulatan Negara Kita

Beberapa kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah dalam Dokumen Standard Kurikulum Sejarah termasuklah :

1. Kajian Kes
2. Kemahiran Berfikir
3. Belajar Cara Belajar
4. Pembelajaran Masteri
5. Pembelajaran Akses Kendiri
6. Pembelajaran Luar Bilik Darjah
7. Pembelajaran Secara Kontekstual
8. Pembelajaran Secara Konstruktivisme
9. Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai
10. Pembelajaran Berasaskan Kajian Masa Depan.
11. Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi
12. Aplikasi Teknik Theory of Constraints
13. Belajar Samabil Bermain
14. Experiental Activities Planner
15. I-Think

Manakala penilaian dalam Kurikulum Standard Sejarah Sekolah Rendah adalah berdasarkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)

ISU

1. Dalam konteks pengajaran Sejarah, terdapat beberapa perkara yang memainkan peranan penting menentukan hasil atau matlamat pendidikan tercapai. Antaranya ialah Buku Teks dan kandungan buku teks kerana ia merupakan sumber rasmi, bahan bantu

dalam proses pengajaran dan pembelajaran sebagai tunjang kepada pengajaran Sejarah. Sekolah di Malaysia hanya menggunakan satu buku teks *standard* bagi setiap tingkatan. Ini bermakna kedudukan buku teks sejarah di Malaysia adalah begitu penting dalam menyampaikan pengajaran dan perlu disampaikan dengan betul, kandungannya tepat dan kaedah penyampaiannya menarik serta perlunya penggunaan alat-alat bantuan mengajar yang sesuai. Namun merujuk makluman dan rungutan para guru terdapat banyak fakta Sejarah yang boleh dipertikaikan dan terdapat kesalahan dalam Buku Teks KSSR Sejarah tahun 4 dan tahun 5 dimana fakta sejarahnya tidak selari dan berbeza seperti yang terdapat dalam Buku Teks Sejarah Tingkatan 1 dan 2.

2. Wujud jurang perbezaan diantara sekolah bandar dan luar bandar apabila setiap kali pembaharuan dalam bidang pendidikan dilaksanakan. Pelajar di sekolah luar bandar sering menjadi mangsa perubahan dan pembaharuan ini. Input pendidikan yang meliputi guru, peruntukan kewangan, bahan dan peralatan pengajaran serta program sokongan tidak diagih secara adil ke semua sekolah. Maka wujud jurang perbezaan antara sekolah beruntung (*advantaged school*) dan sekolah kurang beruntung (*disadvantaged school*) dari aspek dasar dan pelaksanaan, kekangan sumber manusia dan prasarana, komitmen pihak pengurusan, guru dan komuniti. Seharusnya layanan mestilah sama untuk semua sekolah yang mempunyai keperluan, kekuatan dan kelemahan serta keupayaan yang berbeza. Kementerian perlu memastikan setiap sekolah memenuhi keperluan infrastruktur asas bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran Sejarah yang selamat, bersih kondusif dan efektif. Kementerian juga perlu melaksanakan prinsip asas yang telus dan saksama dalam pengagihan kewangan dan sokongan lain kepada semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan.

3. Penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah tidak dapat digunakan sepenuhnya akibat pembekalan komputer yang tidak seimbang antara sekolah bandar dan luar bandar. Penyenggaraan komputer yang kurang memuaskan di sekolah dan bilangan guru terlatih dalam bidang ICT yang belum mencukupi. Seterusnya untuk menilai kerja-kerja kursus, sekolah-sekolah memerlukan kemudahan komputer yang lengkap terutama sekolah di luar bandar bagi membolehkan pelajar dapat membuat tugas atau kerja kursus dengan baik. Bilangan pelajar yang ramai juga menyukarkan guru untuk menilai kecekapan pelajar kerana kekangan masa.

4. Kaedah penilaian pelajar yang terlalu berorientasikan peperiksaan diubah kepada sebahagian sistem peperiksaan dan penilaian dalam kerja-kerja kursus. Memandangkan amalan terhadap pendekatan peperiksaan sudah lama dilaksanakan di Malaysia maka ianya sukar diubah dengan serta merta. Sedangkan pelaksanaan atau pendekatan peperiksaan adalah satu pendekatan yang terbaik untuk melatih pelajar mendisiplinkan diri dengan latihan, hafalan, pembacaan dan juga perbincangan dengan kawan-kawan. Tanpa sistem peperiksaan yang dianggap formal mungkin pelajar tidak bersungguh-sungguh untuk belajar. Tambahan penilaian yang bergantung kepada kerja kursus mungkin dari segi pemberian markah tidak berapa tepat dan kemungkinan guru-guru suka memberi markah yang lebih tinggi kepada pelajar yang mereka sukai.

5. Permasalahan dalam mewujudkan semangat kepunyaan guru, ibu bapa dan murid. "Equal partnership" tidak dapat dicapai kerana keputusan dan latihan hanya dari satu pihak. Dasar dan perancangan digubal pada peringkat kementerian dan diturunkan ke sekolah tanpa mengambil kira isu-isu yang akan timbul. Di peringkat sekolah pihak pentadbir atau guru terpaksa akur dengan keputusan tersebut.

CABARAN

Profesion keguruan menjadi lebih berprestij dan elit apabila pengambilan dibuat hanya dalam kalangan graduan 30 peratus terbaik dalam negara dalam usaha menjadikan ianya sebagai profesion pilihan. Ini bermakna Kementerian Pendidikan akan meninggikan syarat kelayakan kemasukan ke profesion keguruan bagi memastikan semua guru yang mengikuti setiap latihan perguruan memenuhi syarat minimum kelayakan akademik. Kementerian turut berhasrat untuk mengubah Institut Pendidikan Guru (IPG) kepada universiti latihan guru bertaraf dunia menjelang 2020 dan menilai semula kurikulum latihan praperkhidmatan di IPG.

Guru dan pihak pentadbiran pendidikan seharusnya sentiasa menjadikan sekolah sebagai magnet yang mampu mengundang tarikan kepada pelajar untuk berinteraksi, berdialog dan saling bertukar-tukar pendapat dalam suasana pengajaran dan pembelajaran yang menarik. Dengan cara sedemikian, tidak akan berlaku keadaan di mana institusi sekolah dijauhi oleh masyarakat akibat ketidakupayaan sekolah dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang baik di era globalisasi. Perubahan dalam pendidikan memerlukan semua pihak bekerjasama dalam memastikan setiap perancangan yang dibuat terlaksana sebaiknya. Guru pula seharusnya benar-benar menjadi agen kepada perubahan dan dalam masa yang sama bersikap responsive dan kritis terhadap pelbagai perkembangan dan dinamika peradaban yang bererusan berlaku dari semasa ke semasa.

Kualiti perkhidmatan perlu ditingkatkan seiring dengan desakan pelanggan pendidikan dalam peningkatan mutu perkhidmatan. Oleh itu seseorang guru perlu memberi perkhidmatan bermutu, kemahiran yang pelbagai dengan tanggapan yang luas dan mendalam. Warga guru perlu peka dengan perubahan, budaya pendidikan, misi pendidikan dan bersedia menerima apa jua perubahan. Pada masa yang sama, warga pendidik atau golongan guru juga perlu diperkemaskan lagi dari segi komponen amalan nilai profesionalisme guru, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran seperti yang terkandung dalam Standard Guru Malaysia (SGM) yang menjadi rujukan dan panduan piawaian kualiti guru. Sesungguhnya guru perlu ditransformasi terlebih dahulu kerana keberhasilan sesuatu sistem adalah bergantung kepada komitmen yang dimainkan oleh penggerak sistem itu sendiri. Oleh itu guru-guru Sejarah perlu berani dan kreatif dalam membawa perubahan yang positif agar meletakkan Sejarah sebagai mata pelajaran yang mempunyai nilai yang tinggi.

Selain itu, guru juga perlu berpandangan positif iaitu memperlihatkan reformasi dan inovasi pendidikan serta perubahan kurikulumnya dalam perspektif yang positif yang boleh mendatangkan manfaat kepada diri, pelajar, masyarakat dan negara contohnya peka kepada perubahan dalam setiap aspek, sedar tentang keperluan negara dan bersikap positif terhadap pembelajaran. Seseorang guru juga perlu berpengetahuan,

fleksibel dan mudah menyesuaikan diri dalam reformasi, inovasi dan perubahan pendidikan dari masa ke semasa.

KESIMPULAN

KSSR mencerminkan hasrat dan ideologi negara. Mata pelajaran Sejarah adalah sangat dominan bagi melahirkan rakyat yang mempunyai kesedaran sivik yang tinggi, bangga, dan bertanggungjawab sebagai warganegara dan mempunyai sifat nasionalis terhadap negaranya. Dengan adanya KSSR mata pelajaran Sejarah ianya dapat membantu guru menyediakan serta melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara berkesan. Penghayatan semangat patriotik, elemen kewarganegaraan dan nilai sivik dapat direalisasikan kepada murid berpandukan tajuk dalam standard kandungan serta standard pembelajaran. jelas mengungkap ketegasan kerajaan untuk memastikan generasi hari ini tidak buta sejarah disamping melahirkan pelajar yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani serta menyediakan mereka menghadapi arus globalisasi berasaskan pengetahuan abad ke-21. Dengan memahami sejarah tempatan dapat meningkatkan semangat cintakan negara dan perjuangan bangsa, seterusnya dapat memupuk perpaduan dan semangat patriotisme generasi muda. Namun bagi memastikan kejayaan transformasi kurikulum ini ia amat memerlukan komitmen yang menyeluruh daripada semua pihak termasuklah pembuat dasar, pelaksana, pengurus kurikulum, ibu bapa serta pihak berkepentingan. Jika tidak, kurikulum baru ini tidak akan memberi impak yang positif dan tidak tercapai matlamat yang digariskan. Justeru Kementerian Pelajaran Malaysia akan secara berterusan menyemak kurikulum bagi memastikan pelaksanaan kurikulum di sekolah melengkapkan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk menghadapi cabaran semasa dan masa depan.

RUJUKAN

- Abdullah Mohd. Noor. 1986. *Cabaran Profesionalisme Perguruan*. Seminar Pendidikan Kebangsaan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. 1999. *Pendidikan sejarah: Falsafah teori dan amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahamad Rahim. 2011. *Kurikulum sejarah kearah pembentukan bangsa di Malaysia*. Dlm. *Proceedings International Seminar on Educational Comparative for Active Learning Between Indonesia and Malaysia*. Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Pendidikan Indonesia.
- Ahamad Rahim. 2012. *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Sejarah Menengah Rendah Tingkatan 2*. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi
- Ahmad Talib. 1994. *Penyediaan Guru Untuk Melaksanakan Kurikulum Sejarah KBSM: Satu Tinjauan Di Beberapa Buah Sekolah Menengah di Negeri Sembilan*. Tesis Sarjana Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Cranbtree, C. 1989. Improving History in the schools. *Educational Leadership* 47(3) :25-28

- Gunasekaran Karapaya.1997. Pendidikan Sejarah Di Sekolah Menengah Rendah Di Malaysia: Satu Kajian Tentang Sejauhmana Buku Teks Sejarah Menepati Matlamat Pendidikan Sejarah. Tesis Sarjana Minden: Universiti Sains Malaysia
- Farah Wahida dan Mohd Ayub.2012.Persepsi guru terhadap perlaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dalam kalangan guru Tahun 1 Zon KeramatKeramat.Dlm *Prosiding Seminar Pasca Siswazah*.Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Ikhsan, O., & Norila, M.S. 2005. *Kurikulum & Pengajaran Sekolah Rendah,Aspek-aspek yang Berkaitan*. Tanjong Malim: Quantum Books.
- Ismail bin Said & Rosadah binti Nik Ali. (2013). Kurikulum sejarah sekolah rendah. Kargar: IPG Kampus Perlis. Kementerian pendidikan Malaysia. (2003). Sukatan pelajaran kurikulum bersepadu sekolah rendah.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2011.*Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sejarah Tahun 4*, Putrajaya, Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2011.*Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sejarah Tahun 5*, Putrajaya, Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Poh Swee Hiang .2000. Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.

0000
